

# Masjid dan Hubungannya dengan Pembentukan Masyarakat yang Cemerlang

Ahmad Fadhullah Mohd Foad  
Mohd Hazrul Razali  
Sulaiman Shakib Mohd Noor

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, shakib@utm.my

## Suggested Citation:

Mohd Foad, Ahmad Fadhullah; Razali, Mohd Hazrul; & Mohd Noor, Sulaiman Shakib. (2019). *Masjid Dan Hubungannya dengan Pembentukan Masyarakat yang Cemerlang*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019 dengan tema 'Ke Arah Pembentukan Masyarakat Cemerlang' bertempat di 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur, pada 18 Ogos 2018: 111-120,

## Abstract

Masjid merupakan institusi suci bagi umat Islam untuk menunaikan amal ibadat, mengadakan majlis keagamaan, serta menjadi pusat pembangunan sosial masyarakat Islam yang unggul. Di Masjid masyarakat Islam berkumpul dan berinteraksi di antara satu sama lain menerusi pelbagai aktiviti dan program yang dianjurkan untuk mengimarahkan masjid. Namun masih terdapat masyarakat masa kini yang tidak memahami konsep dan maksud sebenar peranan masjid, sehingga masjid seringkali disalah tafsir sebagai hanya sebagai tempat beribadat bagi umat Islam sahaja. Hakikatnya masjid adalah merupakan tempat ibadah serta meningkatkan keimanan untuk mencari petunjuk dari Allah SWT. Masjid juga merupakan tempat untuk memperkasa jiwa seseorang Mukmin yang mencari keredaan Allah SWT. **Kata Kunci:** Masjid, masyarakat Islam, berkumpul, berinteraksi, pengertian masjid, mengimarahkan masjid, amal ibadah, mempertingkatkan keimanan, mencari keredaan Allah SWT

## References

- Ab. Rahman, Lokman, & Ahmad, Musa 1996. *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*. Melaka: Majlis Agama Islam Melaka dan Kolej Islam Melaka.
- Abd. Wahab, Nor Azlina, Ab. Hamid, Norafifah, & Che Man, Norajila. 2016. "Pemeriksaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari". *e-Academia Journal UiTMT*, 5(2), 219-229.
- Abdul Razak, A., Mohd Khairil Anwar, A., & Ezry Fahmy, E. 2010. *Isu dan Cabaran Institusi Masjid dalam Pembentukan Sahsiah Remaja di Era Globisasi dan Cadangan Penyelesaiannya*. Kertas Kerja dalam Seminar Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Masjid. Masjid Negeri Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor.
- Ag Omar, Pg Mohd Faezul Fikri, Wahid, Hairunnizam, & Mohd Nor, Mohd Ali. 2017. "Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Agihan Zakat: Kajian di Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)". *Jurnal Syariah*(3), 415-452.
- Ahmad Fakhruddin, M. Z. 2010. *Singgulan awal terhadap isu-isu masjid sebagai one stop community centre*. Kertas Kerja dalam Seminar Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Masjid. Masjid Negeri Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor.
- Ahmad, Mohamad Faizal, Arshad, Mohd Ariff, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2012. *Amalan, Etika dan Institusi dalam Islam*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2-12.
- Ainoor, M. A. 2010. *Masjid Mesra Remaja: Menurut Perspektif Remaja Masa Kini*. Kertas Kerja dalam Seminar Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Masjid. Masjid Negeri Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor.
- al-Dawamy, Aminuddin Ruskam. 2008. Falsafah Dan Fungsi Masjid dalam Islam. Dlm. Mohd Ismail Mustar & Kamarul Azmi Jasmi (Ed.). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. hlm. 21-28. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Ali, Asmak, & Said, Cik Hashim Mat. 2008. Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari. Dlm. Mohd Ismail Mustar & Kamarul Azmi Jasmi (Ed.). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. hlm. 29-46. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Amin, Mohd Hairudin, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2012. *Sekolah agama di Malaysia: sejarah, isu & cabaran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press.
- Ashraf Aziz, Mohd Farid, Abbas, Mohd Saaban, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2012, 21 April 2012. *Kemuncak dalam Tamadun Islam*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2012. Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.

- Baharom, Noresah 2013. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Bandar Baru Bangi, Selangor: Utusan Printcop Sdn. Bhd.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2008. Tatacara Adab Mengimarah Masjid. Dlm. Mohd Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi (Ed.). *Pengimarahkan Masjid dalam Agenda Ummah*. hlm. 15-41. Skudai, Johor Bahru: Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2012. *Pembangunan Islam*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun Islam 2012. Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Ilias, Mohd. 2011, 25 April 2011. *Penggunaan Masjid dan Persekitaran Sekolah dalam Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia*. Kertas Kerja dalam Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa. IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, Indonesia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Jasmi, Mohd Aris. 2019. *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2005. *Kamus Dewan*. Edisi Keempat ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuang, Lau Chun, Sulaiman, Salwani, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2012, 21 April 2012. *Islam: Agama, Sejarah, dan Tamadun*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2012. Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- M. Abdulaziz, Adel, Mohamed, Ahmad Kamel, & Zakaria, Nidzamuddin. 2008. Kepentingan dan Peranan Masjid dari Sudut Pendidikan dalam Masyarakat Islam. Dlm. Mohd Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi (Ed.). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Sharif, Siti Aspalaili, Wei, Liew Inn, & Jasmi, Kamarul Azmi 2012. "Sejarah Ringkas Islam". *Prosiding Seminar Tamadun 2012*, 19.
- Mohamed, Roslan. 2003. Keberkesanan Program Masjid: Kajian Umum Masjid-Masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dlm. Norrodzoh Siren & Yumini Md. Yusof (Ed.). *Membangun Institusi Masjid*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Mohd Noor, Sulaiman Shakib. 2012. *Model Khidmat Nasihat Keluarga Islam di Institusi Masjid*. (Ijazah Doktor Falsafah), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Mohd Noor, Sulaiman Shakib, Mustafa, Sharif, Abdul Halim, et al. 2007. *Masjid Sebagai Pusat Kecemerlangan Minda Komuniti Islam*. Kertas Kerja dalam Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid. Masjid Sultan Ismail. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mustari, Mohd Ismail, Basiron, Bushrah, & Muhammad, Azhar. 2013. *Menginovasi Masjid mensejahtera ummah*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Mustari, Mohd Ismail, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2008. Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari. hlm. 138. Johor Bahru, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mustari, Mohd, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2008a. *Pengimarahkan Masjid dalam Agenda Ummah*. Skudai, Johor Bahru, Johor.
- Mustari, Mohd, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2008b. *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Ridzuan, Ahmad, Mior, Muhammad Fateh, Aziz, Syed Abd, et al. 2012, 21 April 2012. *Islam Sebagai Satu Agama*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2012. Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Saari, Che Zarrina, & Borhan, Joni Tamkin. 2003. Pembangunan Ekonomi Masjid (Economic Development of Mosque). Dlm. Norrodzoh Siren & Yusmini Md Yusoff (Ed.). *Pembangunan Institusi Masjid (Development of Mosque Institution)*. hlm. 43-58. Kuala Lumpur: Dept. Of Dakwah and Human Development, Academy of Islamic Studies, University of Malaya.
- Sabri, Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad, & Noor, Mohd Rasul Mohammad. 2008. Peranan dan Kepentingan Pengurusan Sumber Manusia dalam Pengurusan Masjid. Dlm. Mohd Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi (Ed.). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. hlm. 97-108. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Saniman, Muhammad Amin, Xuan, Teoh Hao, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2012, 21 April 2012. *Peringkat Permulaan Islam*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2012. Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sharif, Mohamad, Aspalaili, Siti, Wei, Liew Inn, et al. 2012. *Sejarah Ringkas Islam*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2012.
- Syauqi, D. 2004. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Al-Qahirah: Maktabah al-Syarq wa al-Dauliyyah.

# 9

## MASJID DAN HUBUNGANNYA DENGAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT YANG CEMERLANG

Ahmad Fadhullah Mohd Foad  
Mohd Hazrul Razali  
Sulaiman Shakib Mohd Noor

### Abstrak

*Masjid merupakan institusi suci bagi umat Islam untuk menunaikan amal ibadat, mengadakan majlis keagamaan, serta menjadi pusat pembangunan sosial masyarakat Islam yang unggul. Di Masjid masyarakat Islam berkumpul dan berinteraksi di antara satu sama lain menerusi pelbagai aktiviti dan program yang dianjurkan untuk mengimarahkan masjid. Namun masih terdapat masyarakat masa kini yang tidak memahami konsep dan maksud sebenar peranan masjid, sehingga masjid seringkali disalah tafsir sebagai hanya sebagai tempat beribadat bagi umat Islam sahaja. Hakikatnya masjid adalah merupakan tempat ibadah serta meningkatkan keimanan untuk mencari petunjuk dari Allah SWT. Masjid juga merupakan tempat untuk memperkasa jiwa seseorang Mukmin yang mencari keredaan Allah SWT.*

*Kata Kunci: Masjid, masyarakat Islam, berkumpul, berinteraksi, pengertian masjid, mengimarahkan masjid, amal ibadah, mempertingkatkan keimanan, mencari keredaan Allah SWT*

### PENDAHULUAN

Istilah masjid diambil dari perkataan Arab “sajada, yasjudu, sajdan” bermaksud sujud, mentaati dan mengabdikan diri dengan rasa rendah diri kepada Allah SWT (Syauqi, 2004; Jasmi, 2008). Sementara perkataan “masjidun”, membawa erti tempat beribadah dan mengabdikan diri kepada Allah SWT. *Kamus Dewan* (2005) dan Baharom (2013) pula, mendefinisikan masjid sebagai tempat khusus bagi umat Islam menunaikan ibadah solat serta aktiviti ibadah yang lain. Oleh kerana itu, berada di masjid berbeza dengan berada di tempat lain, kerana untuk berada di masjid adab-adab di dalamnya diajarkan oleh Islam untuk orang datang kepadanya (Jasmi, 2008).

Dalam sejarah Islam, masjid merupakan institusi di mana masyarakat Islam dibentuk oleh Rasulullah SAW. Di masjid nabawi Rasulullah mengajar masyarakat Islam pelbagai aspek keilmuan baik berkaitan kehidupan mahupun ilmu keagamaan (Ab. Rahman & Ahmad, 1996; Mustari, M. & Jasmi, K. A., 2008a, 2008b; Mustari *et al.*, 2013; Mustari, M. I. & Jasmi, K. A., 2008; Ahmad *et al.*, 2012; Amin & Jasmi, 2012; Ashraf Aziz *et al.*, 2012; Jasmi, 2012; Kuang *et al.*, 2012; Mohamad Sharif *et al.*, 2012; Ridzuan *et al.*, 2012; Saniman *et al.*, 2012; Sharif *et al.*, 2012). Jika umat Islam merujuk kepada al-Quran, perkataan masjid disebut sebanyak 26 kali, ini jelas menunjukkan betapa pentingnya peranan masjid dalam kehidupan umat Islam (Mohamed, 2003).

Bagi memastikan segala program atau aktiviti masjid berjalan dengan lancar, pihak pengurusan masjid harus menyusun pelbagai program tersebut dengan berkesan (Ali & Said, 2008; Sabri & Noor, 2008; Jasmi & Ilias, 2011). Antara program yang boleh dilaksanakan di masjid adalah seperti program bentuk keagamaan, khidmat nasihat, sosial dan penjana ekonomi seperti program keusahawanan dengan menyediakan pondok jualan untuk usahawan kecil. Walaubagaimanapun, hasil kajian menunjukkan usaha yang dilakukan oleh pihak masjid untuk menaik taraf aktiviti yang dijalankan masih belum memuaskan (Mohamed, 2003). Hal ini terjadi kerana kebanyakan pihak pengurusan

masjid hanya membuat program yang berbentuk rutin dan konvensional disamping kurangnya penglibatan anak muda dalam pengurusan masjid sebagai jawatankuasa. Keadaan ini diburukkan lagi oleh masalah kekangan kewangan yang sering dialami oleh institusi masjid. Oleh sebab itu, kebanyakan masjid hanya berfungsi sebagai tempat menunaikan solat dan berkeadaan suram diluar waktu solat fardu kerana ketiadaan aktiviti lain yang dianjurkan oleh pihak masjid.

Jadi untuk mengembalikan peranan masjid pada landasan yang betul institusi masjid perlu dianggotai barisan jawatankuasa masjid yang dapat memahami serta menghayati fungsi masjid yang sebenar. Selaras dengan itu, di sana terdapat beberapa masjid yang aktif dan dapat menjalankan pelbagai aktiviti antara lain Kejayaan ini banyak dipengaruhi oleh faktor kepadatan penduduk Islam di sesuatu kawasan penempatan serta faktor kewangan masjid yang stabil. Dari beberapa banyak kajian yang dijalankan membuktikan, bahawa faktor kewangan adalah faktor utama yang dapat mempengaruhi program serta aktiviti sesebuah masjid itu (Ab. Rahman & Ahmad, 1996; Saari & Borhan, 2003). Hal ini sesuai dengan arahan Allah SWT supaya mengimarah masjid sebagaimana firman-Nya dalam al-Quran :

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنِ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ  
فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Maksud: *Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid Allah SWT itu ialah orang yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah SWT, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.*

(Surah al-Tawbah, 9 :18)

Tafsiran dari ayat al-Quran ini jelas menunjukkan bahawa orang Islam yang menghidupkan dan mengimarahkan rumah Allah SWT, iaitu masjid adalah merupakan orang yang beriman kepada Allah SWT. Oleh demikian masyarakat Islam seharusnya mempertingkatkan amalan dengan senantiasa mengunjungi masjid sama ada untuk melakukan amal ibadat atau menghadiri majlis ilmu dan program yang lainnya dengan niat untuk menjadikan hamba Allah SWT yang ikhlas dan sentiasa mengharapkan petunjuk dan keredaan-Nya.

## KEDUDUKAN STRUKTUR PENGURUSAN MASJID

Dalam Perlembagaan Malaysia, Jadual Ke-9 senarai 2 butiran 1, dinyatakan bahawa hal berkaitan dengan agama Islam adalah di bawah kuasa negeri kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. Oleh demikian, masjid adalah di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri seperti yang ditentukan oleh enakmen negeri masing-masing. Dalam akta atau enakmen tersebut dinyatakan dengan jelas bidang kuasa ahli jawatankuasa dan pegawai masjid, termasuklah kuasa yang berkaitan dengan pengurusan dana dan harta. Sebagai contoh, dalam Enakmen Pentadbiran Perundangan Negeri Selangor 1989 seksyen 58(1), terdapat peruntukan menjamin dari segi pengurusan dan pembiayaan masjid oleh Majlis Agama Islam Negeri supaya masjid mampu menunaikan fungsinya yang sempurna sebagai pusat setempat umat Islam (Ag Omar *et al.*, 2017).

Dalam pengurusan sesebuah masjid sebagai contoh yang dikelolakan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) terdiri daripada empat cawangan yang terlibat, iaitu cawangan penyelarasan dan perancangan kariah, cawangan khutbah dan latihan, cawangan pengimarah dan

takmir dan akhir sekali ialah cawangan masjid dan surau. Dalam konteks ini, ahli jawatankuasa yang berada dalam cawangan pengimarah dan takmir perlu memainkan peranan yang penting dalam memastikan segala aktiviti masjid dijalankan dengan penuh pengisian rohani dan jasmani yang bukan sahaja menumpukan kepada aktiviti solat sahaja. Masjid biasanya diurus tadbir oleh jawatankuasa yang melibatkan ahli seranai 10 hingga 15 orang. Antara jawatan penting yang wujud dalam senarai pengurusan masjid adalah seperti imam, nazir dan bilal yang mana mereka ini dilantik oleh Majlis Agama Negeri. Setiap masjid perlu mengwujudkan satu organisasi yang bertindak sebagai unit urus tadbir segala kegiatan aktiviti masjid sama ada dari segi program, kewangan, bantuan kepada asnaf dan lain-lain lagi. Dengan adanya unit pentadbiran masjid yang mantap, segala perancangan dan objektif umat Islam dalam melakukan sesuatu program akan berjalan lancar.

## HUBUNGAN MASJID DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT

Masjid didirikan bukan sekadar tempat untuk beribadat bagi umat Islam malah sebagai pusat pendidikan dan pembangunan masyarakat Islam secara khususnya khususnya. Firman Allah SWT dalam al-Quran dalam Surah al-Nur ayat 36-37

فِي بُيُوتٍ أَذِنَ اللَّهُ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا أَسْمُهُ وَيُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ ﴿٣٦﴾

Maksud: *Nur hidayah petunjuk Allah SWT itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali di rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah SWT supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah SWT padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah SWT pada waktu pagi dan petang.*

(Surah al-Nur, 24: 36)

Firman Allah SWT dalam ayat ini jelas menyatakan bahawa keistimewaan masjid sebagai rumah Allah SWT dan memperingatkan hamba-Nya untuk menghiasi masjid dengan sentiasa membasah lidah dengan memuji kebesaran dan keesaan Allah SWT.

رَجَالٌ لَا تُلَاهِيهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ  
وَالْأَبْصَارُ ﴿٣٧﴾

Maksud: *(Ibadat itu dikerjakan oleh) orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah SWT, dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan.*

(Surah al-Nur, 24: 37)

Berdasarkan petikan ayat ini, dapat disimpulkan fungsi masjid bukan sahaja tempat khusus untuk menunaikan ibadah solat, tetapi ia juga mempunyai peranan lain seperti tempat penjana ekonomi dan pengumpulan harta zakat. Masjid merupakan tempat lahirnya jiwa seseorang yang mencari keredaan Allah SWT serta mengingati-Nya dalam apa keadaan sekalipun sama ada ibadah solat ataupun ibadah yang lain (Hamka, 1985). Pembangunan jiwa insan yang berteraskan kepada ketaqwaan kepada Allah SWT akan dapat melahirkan masyarakat yang cenderung ke arah kehidupan yang baik dan sejahtera sekaligus membentuk diri melakukan amal kebaikan dan menghindari kemungkar.

Jika disingkap kembali zaman kehebatan Islam, masjid pernah menjadi pusat pengembangan ilmu pengetahuan. Sebagai contoh masjid Quba dijadikan sebagai pusat ilmu oleh Rasulullah SAW dengan mengadakan program usrah dan menyampaikan khutbah kepada para sahabat dan umat Islam serta memberi peluang untuk mereka bertanyakan sebarang kemusykilan atau permasalahan yang timbul (Abd. Wahab *et al.*, 2016). Amalan seperti program usrah ini kemudiannya diluaskan hingga ke masjid yang lain seperti Masjidil Haram dan Masjid Nabawi (Abdul Razak *et al.*, 2010). Di Malaysia sendiri, pada zaman kesultanan Melayu Melaka masjid dan surau adalah merupakan tempat penyebaran agama Islam dan sebagai pusat pengembangan ilmu pengetahuan (Mohd Roslan & Wan Mohd, 2011).

Jadi jelaslah masjid merupakan tempat yang penting dalam proses penyebaran ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat Islam. Oleh demikian, masjid harus diimarahkan untuk menjadi pusat pengembangan ilmu serta penyatuan ummah agar kegemilangan tamadun Islam dapat dikembalikan dan terus cemerlang.

## **PERANAN MASJID DALAM MELAHIRKAN MASYARAKAT CEMERLANG**

Bagi memastikan peranan masjid ini berkembang mengikut tatacara yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW, umat Islam seharusnya perlu bersama-sama menggembelngkan tenaga dan segala daya usaha untuk mengembalikan peranan masjid di Malaysia khususnya masjid adalah sebagai medan untuk melahirkan masyarakat Islam yang cemerlang. Berikut adalah beberapa langkah yang boleh dipraktikkan dalam usaha memperkasa peranan masjid (M. Abdulaziz *et al.*, 2008; Mohd Noor *et al.*, 2007; al-Dawamy, 2008).

### **Mengembalikan Fungsi Asas Masjid Khususnya yang Sudah Ditinggalkan oleh Umat Islam**

Terdapat beberapa fungsi asas masjid yang sudah ditinggalkan tetapi sangat signifikan untuk kecemerlangan umat seperti menyediakan ruangan bagi gelandangan, fakir, dan miskin untuk mereka tinggal di Masjid serta menyediakan tempat pengajian untuk mereka bagi memenuhi masa lapang mereka dengan belajar agama dan meningkatkan amalan Islam.

Amalan iktikaf sama ada pada bulan Ramadan atau tidak (Jasmi & Jasmi, 2019) juga perlu diwujudkan sehingga ke satu tahap akan ada orang yang beribadat dan beriktikaf di Masjid selama 24 jam. Ketika jumlah pengiktikaf semakin ramai, maka kelas pengajian ditingkatkan kepada sistem sekolah yang menyediakan pengajian berterusan sama ada para pengiktikaf atau para gelandangan.

### **Masjid Sebagai Pusat Ilmu dan Kegiatan Perkembangan Islam**

Peranan masjid sebagai pusat ilmu pengetahuan hendaklah diperkasakan selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan yang pesat berlaku pada masa kini. Sudah tiba masanya Institusi masjid mewujudkan kelas keagamaan dan kelas ilmiah seperti kelas tambahan untuk matapelajaran sains dan matematik bermula dari peringkat rendah hingga peringkat yang tinggi. Dana dari sumbangan yang diperolehi menerusi program ini boleh digunakan untuk membiayai pembelian peralatan pengajaran serta bayaran upah kepada individu yang berkelayakan mengajar di masjid. Usaha ini secara tidak langsung dapat merapatkan jurang pendidikan dalam masyarakat. Selain itu tindakan menyediakan perpustakaan mini yang dilengkapi dengan buku keagamaan dan ilmiah dapat memperkasakan peranan institusi masjid sebagai gedung ilmu. Silibus pembelajaran haruslah diperkemas merangkumi tiga elemen keagamaan meliputi Iman, Islam dan Ihsan (Ahmad Fakhurrizi, 2010). Boleh dikatakan, masjid perlu diubah untuk menjadi *'one stop centre'* bagi umat Islam selain sebagai tempat ibadah solat dan syarahan agama.

Masjid juga boleh ditransform menjadi pusat pengajian al-Quran dan pembelajaran ilmu agama. Hukum tajwid dan tafsiran boleh diajar dipelbagai peringkat umur untuk menambahbaik penguasaan bacaan al-Quran serta memahami maksud yang tersirat. Pendakwah yang bertauliah juga boleh menggunakan masjid sebagai tempat untuk menyampaikan kuliah agama.

Program keagamaan seperti syarahan agama, forum, dan aktiviti sempena hari kebesaran umat Islam perlu diperbaharui supaya perlaksanaanya relevan serta berteepatan dengan keperluan masyarakat Islam masa kini. Sebagai masyarakat Islam mereka harus melibatkan diri dengan aktiviti dan program yang dianjurkan oleh pihak masjid demi merealisasikan hasrat pembangunan umat Islam sejajar dengan hadis berikut (Ibn Majah, 2009: 738):

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: «مَنْ بَنَى مَسْجِدًا لِلَّهِ كَمَفْحِصِ قَطَاةٍ، أَوْ أَصْغَرَ، بَنَى اللَّهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ.»

Maksud: *Jabir bin 'Abdullah menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Barangsiapa membangun untuk Allah SWT sebuah masjid meskipun hanya sebesar sarang burung, maka Allah SWT akan membangunkan untuknya rumah di syurga."*

(Ibn Majah)

Hadis ini menerangkan bahawa ganjaran pahala yang besar akan diterima sekiranya seorang Mukmin membangunkan masjid dan mengimarahkan masjid sebagai bukti pengakuan kebesaran Allah SWT. Ia juga menjelaskan akan kasih sayang Allah SWT kepada hamba-Nya yang sentiasa berusaha untuk mendapat keredaan Allah SWT.

### **Masjid Sebagai Pusat Kaunseling dan Kebajikan**

Masjid perlu dijadikan sebagai pusat rujukan dan mendapatkan khidmat nasihat dalam pelbagai masalah masyarakat Islam kini. Masjid juga boleh dijadikan sebagai pusat kaunseling untuk mendapatkan khidmat nasihat bagi permasalahan seperti krisis rumahtangga (Mohd Noor, 2012). Oleh itu satu jawatankuasa kaunseling yang disertai oleh individu yang bertauliah dan penyediaan kemudahan untuk bilik kaunseling harus diwujudkan di institusi masjid (Saleh, 2010).

Kemudahan masjid yang dilengkapi dengan khidmat nasihat serta kaunseling amat bersesuaian dengan masyarakat Islam masa kini yang dilanda dengan pelbagai masalah keruntuhan akhlak remaja, permasalahan rumah tangga dan fenomena gejala sosial yang serius. Impak negatif perkembangan pesat teknologi pada masa kini amatlah membimbangkan serta menjadi salah satu faktor yang mendorong kearah keruntuhan akhlak dikalangan remaja.

Selain institusi masjid bertindak sebagai pusat kaunseling, masjid juga boleh dilengkapi dengan kemudahan kebajikan masyarakat Islam seperti penyediaan pusat asuhan kanak-kanak dan pemberian dana infaq kepada mereka yang tidak berkemampuan. Terdapat beberapa buah masjid yang menyediakan mesin pengagihan makanan asasi seperti beras kepada individu yang tidak berkemampuan. Hal ini merupakan satu tindakan yang terpuji kerana memudahkan bantuan itu disampaikan tanpa wujudnya birokrasi.

### **Masjid Sebagai Pusat Aktiviti Kegiatan Masyarakat Terutama kepada Wanita, Remaja dan Kanak-Kanak**

Masjid perlu menyediakan agenda dan ruang khas yang bertepatan dengan naluri remaja sebagai pendorong untuk golongan ini datang ke masjid seperti mengadakan program yang memfokuskan golongan remaja (Ainoor, 2010). Masjid juga perlu sentiasa terbuka menerima kehadiran semua lapisan masyarakat termasuk kanak-kanak. Kanak-kanak seharusnya diajar dan dilatih untuk turut hadir ke masjid tetapi perlu diberi perhatian dan diingatkan agar mereka tidak mengganggu ibu bapa dan juga orang lain ketika sedang beribadah atau mengikuti kelas pengajian di masjid. Kanak-kanak akan lebih berminat untuk datang ke masjid sekiranya terdapat ruangan khas untuk mereka melakukan aktiviti dan mempelajari sesuatu yang baharu seperti mengadakan ruang permainan dan sudut pembacaan. Perkara ini secara tidak langsung dapat mengisi masa terluang kanak-kanak dengan melakukan perkara berfaedah sambil menunggu ibu bapa mereka selesai beribadah atau tamat kelas pengajian di masjid. Kanak-kanak adalah golongan yang mudah mengingat dan menyerap sesuatu perkara yang mereka pelajari. Kehadiran kanak-kanak ke Masjid juga boleh dimanfaatkan dengan melatih mereka melakukan kebaikan dan membentuk sikap suka menolong seperti membantu melipat semula kain solat dan sejadah, menyusun kasut dan yang pentingnya menyemai rasa cinta kepada masjid (Ahmad Fakhurrrazi, 2010).

Wanita juga perlu turut dilibatkan dalam agenda mengimarahkan masjid. Golongan ini sepatutnya tidak ketinggalan diberi ruang untuk menuntut ilmu dan melakukan aktiviti kemasyarakatan di masjid. Mereka boleh mengisi masa terluang dengan mengikuti aktiviti dan kelas pengajian yang dianjurkan di masjid. Semua golongan wanita seharusnya tidak terkecuali untuk turut serta dalam program anjuran masjid. Wanita uzur juga boleh turut serta sekiranya pihak masjid menyediakan ruang khas dan kemudahan untuk golongan ini memanfaatkan masa terluang mereka dengan menyertai program dianjurkan masjid (Abd. Wahab *et al.*, 2016). Masjid seharusnya bersifat mesra wanita dengan menyediakan pakaian solat yang bersih serta kemudahan untuk wanita mengenakan hijab dan mengemaskan diri sesudah solat. Fungsi dan peranan masjid akan dapat dicapai secara optimum sekiranya masjid bersifat mesra wanita, remaja dan kanak-kanak agar golongan ini turut terlibat dalam mengimarahkan masjid.

### **Masjid Sebagai Pusat Penjanaan Ekonomi**

Satu aspek yang sering diabaikan ialah aspek penjanaan ekonomi. Masjid sewajarnya merupakan sebuah institusi yang bukan sahaja boleh berbangga dengan agenda pengimarahkan malah sesebuah masjid itu sepatutnya dapat berperanan sebagai pusat penjanaan ekonomi masyarakat Islam setempat. Dalam pembinaan sesebuah masjid yang baru, pihak tertentu yang ingin membina masjid baru perlu memperluaskan idea dan konsep pembinaan masjid tersebut yang bukan sahaja bertujuan untuk tujuan ibadat sahaja malah turut menyediakan prasarana untuk masjid menjalankan aktiviti penjanaan ekonomi. Kalau diperhatikan pada masa kini terdapat banyak masjid baru yang dibangunkan lengkap dengan prasarana yang boleh menjana ekonomi masjid seperti dilengkapi dengan tapak atau bangunan ruang niaga. Langkah ini dapat membantu pihak masjid menjana kewangan menerusi kutipan sewa dan sebagainya.

Selain itu, pihak jawatankuasa dan kaki tangan masjid perlu bersama-sama menggembleng tenaga dan idea dengan memanfaatkan kepakaran sedia ada dalam menjana kewangan masjid dengan menganjurkan pakej kelas pengajian, ceramah atau forum, bengkel peningkatan sendiri dan lain-lain lagi. Sebagai contoh, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin yang terletak di Putrajaya pihak masjid mengadakan beberapa siri kelas pengajian agama seperti kelas pengajian al-Quran bagi kanak-kanak dan dewasa, kelas bimbingan saudara muslim, kelas Bahasa arab, kelas taranum, kelas feqah dan banyak lagi. Dengan adanya pengisian seumpama ini, ia dapat menarik minat masyarakat



Islam untuk menyertainya dan bayaran yuran yang dikenakan dapat mempertingkatkan kewangan masjid tanpa bergantung peruntukan dari kerajaan atau sumbangan derma tabung masjid. Hal demikian bukan sahaja dapat mempertingkatkan ekonomi bahkan ia juga dapat melahirkan generasi-generasi Islam yang kuat jati diri agamanya apabila mendapat bekalan dari aspek rohani dan seterusnya dapat menegakkan syiar Islam.

Masjid juga dapat berperanan sebagai pusat pungutan zakat, wakaf mahupun amal jariah yang ingin disalurkan oleh masyarakat Islam. Justeru itu, setiap masjid perlu menyediakan satu kaunter khusus aktiviti yang dinyatakan ini. Tindakan ini bukan sahaja dapat memudahkan masyarakat Islam untuk menunaikan tanggungjawab mereka malah dapat membantu melicinkan pentadbiran Lembaga atau pusat zakat negeri masing-masing. Sebagai contoh di Masjid Hj. Fisabillillah di Cyberjaya mengambil satu inisiatif yang amat berkesan berkenaan dengan urusan ekonomi, iaitu dengan mewujudkan kaunter pusat zakat Selangor. Inisiatif ini banyak membantu masyarakat Islam yang bukan sahaja terdiri daripada orang tempatan malah warga asing yang beragama Islam berhubung hal berkaitan sedekah jariah yang ingin disalurkan oleh mereka. Dengan adanya kemudahan seumpama ini dapat mendidik dan menggalakkan masyarakat Islam untuk menunaikan tanggungjawab mereka dari sudut harta dengan melakukan sedekah, zakat mahupun wakaf. Sesuai dengan firman Allah SWT dalam al-Quran

وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

Maksud: *Dan dirikanlah kamu akan solat serta berikanlah zakat dan taatlah kamu kepada Rasul Allah SWT supaya kamu memperoleh rahmat.*

(Surah *al-Nur*, 24 : 56)

Seterusnya, Allah SWT juga berfirman:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١١٣﴾

Maksud: *Ambillah sebahagian harta mereka sebagai sedekah (zakat), agar demikian akan membersihkan (harta) dan mensucikan (hati) mereka serta doakanlah mereka kerana doamu itu akan membawa ketenangan untuk mereka. Sesungguhnya Allah SWT Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.*

(Surah *al-Tawbah*, 9 : 103)

Dalam dua potongan ayat al-Quran ini jelas menunjukkan ketegasan Allah SWT dalam menyeru hamba-hambaNya untuk melakukan tanggungjawab menunaikan zakat kerana setiap rezeki yang umat Islam perolehi ini adalah dengan izin Allah SWT dan perlu dikongsi bersama dengan mereka yang memerlukan. Dengan membayar zakat sama ada zakat fitrah mahupun harta, umat Islam dapat mensucikan harta mereka dan seterusnya dianggap berinfak ke jalan Allah SWT.

Dari apa yang dibincangkan, amatlah wajar masjid dijadikan salah satu tempat atau pusat untuk menjana ekonomi dan bukan sekadar tempat untuk beribadah semata-mata. Hal ini kerana masjid adalah merupakan rumah Allah SWT yang perlu umat Islam kunjungi setiap hari dan dihiasi dengan majlis ilmu serta tempat pengumpulan masyarakat Islam atas tujuan penyatuan ummah seterusnya dapat menegakan syiar Islam.

## KESIMPULAN

Kewujudan sesebuah masjid yang mula dibina pada zaman Rasulullah SAW merupakan suatu asas penting dalam membangunkan masyarakat Islam. Hubungan antara masyarakat Islam dan masjid perlu dieratkan seperti perumpamaan simpulan bahasa, iaitu umpama air dengan tebing kerana masjid bukan sahaja tempat untuk melakukan solat bahkan ia adalah pusat penyebaran ilmu dan penyatuan umat Islam. Oleh itu semua masyarakat Islam seharusnya mengambil bahagian dalam setiap aktiviti yang digimarkan oleh pihak masjid agar objektif asal pembinaan masjid dapat direalisasikan. Setiap jujuk masyarakat Islam perlu bersama-sama menggembelng tenaga memerah keringat dan idea agar segala program yang diaturkan di masjid disusun dapat berjalan dengan baik dan membawa impak positif kepada setiap orang Mukmin untuk bersatu teguh dan seterusnya mempertingkatkan ketaqwaan dan keimanan kepada Allah SWT.

## RUJUKAN

- Ab. Rahman, Lokman, & Ahmad, Musa 1996. *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*. Melaka: Majlis Agama Islam Melaka dan Kolej Islam Melaka.
- Abd. Wahab, Nor Azlina, Ab. Hamid, Norafifah, & Che Man, Norajila. 2016. "Pemeriksaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari". *e-Academia Journal UiTMT*, 5(2), 219-229.
- Abdul Razak , A., Mohd Khairil Anwar, A., & Ezry Fahmy , E. 2010. *Isu dan Cabaran Institusi Masjid dalam Pembentukan Sahsiah Remaja di Era Globisasi dan Cadangan Penyelesaiannya*. Kertas Kerja dalam Seminar Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Masjid. Masjid Negeri Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor.
- Ag Omar, Pg Mohd Faezul Fikri, Wahid, Hairunnizam, & Mohd Nor, Mohd Ali. 2017. "Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Agihan Zakat: Kajian di Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)". *Jurnal Syariah*(3), 415-452.
- Ahmad Fakhurrrazi, M. Z. 2010. *Singgulan awal terhadap isu-isu masjid sebagai one stop community centre*. Kertas Kerja dalam Seminar Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Masjid. Masjid Negeri Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor.
- Ahmad, Mohamad Faizal, Arshad, Mohd Ariff, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2012. *Amalan, Etika dan Institusi dalam Islam*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2-12.
- Ainoor, M. A. 2010. *Masjid Mesra Remaja: Menurut Perspektif Remaja Masa Kini*. Kertas Kerja dalam Seminar Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Masjid. Masjid Negeri Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor.
- al-Dawamy, Aminuddin Ruskam. 2008. Falsafah Dan Fungsi Masjid dalam Islam. Dlm. Mohd Ismail Mustar & Kamarul Azmi Jasmi (Ed.). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. hlm. 21-28. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Ali, Asmak, & Said, Cik Hashim Mat. 2008. Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari. Dlm. Mohd Ismail Mustar & Kamarul Azmi Jasmi (Ed.). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. hlm. 29-46. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Amin, Mohd Hairudin, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2012. *Sekolah agama di Malaysia: sejarah, isu & cabaran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press.
- Ashraf Aziz, Mohd Farid, Abbas, Mohd Saaban, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2012, 21 April 2012. *Kemuncak dalam Tamadun Islam*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2012. Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Baharom, Noresah 2013. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Bandar Baru Bangi, Selangor: Utusan Printcop Sdn. Bhd.

- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2008. Tatacara Adab Mengimarah Masjid. Dlm. Mohd Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi (Ed.). *Pengimarah Masjid dalam Agenda Ummah*. hlm. 15-41. Skudai, Johor Bahru: Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2012. *Pembangunan Islam*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun Islam 2012. Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Ilias, Mohd. 2011, 25 April 2011. *Penggunaan Masjid dan Persekitaran Sekolah dalam Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia*. Kertas Kerja dalam Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa. IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, Indonesia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Jasmi, Mohd Aris. 2019. *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2005. *Kamus Dewan*. Edisi Keempat ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuang, Lau Chun, Sulaiman, Salwani, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2012, 21 April 2012. *Islam: Agama, Sejarah, dan Tamadun*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2012. Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- M. Abdulaziz, Adel, Mohamed, Ahmad Kamel, & Zakaria, Nidzamuddin. 2008. Kepentingan dan Peranan Masjid dari Sudut Pendidikan dalam Masyarakat Islam. Dlm. Mohd Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi (Ed.). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Sharif, Siti Aspalaili, Wei, Liew Inn, & Jasmi, Kamarul Azmi 2012. "Sejarah Ringkas Islam". *Prosiding Seminar Tamadun 2012*, 19.
- Mohamed, Roslan. 2003. Keberkesanan Program Masjid: Kajian Umum Masjid-Masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dlm. Norrodzoh Siren & Yumini Md. Yusof (Ed.). *Membangun Institusi Masjid*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Mohd Noor, Sulaiman Shakib. 2012. *Model Khidmat Nasihat Keluarga Islam di Institusi Masjid*. (Ijazah Doktor Falsafah), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Mohd Noor, Sulaiman Shakib, Mustafa, Sharif, Abdul Halim, et al. 2007. *Masjid Sebagai Pusat Kecemerlangan Minda Komuniti Islam*. Kertas Kerja dalam Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid. Masjid Sultan Ismail. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mustari, Mohd Ismail, Basiron, Bushrah, & Muhammad, Azhar. 2013. *Menginovasi Masjid mensejahtera ummah*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Mustari, Mohd Ismail, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2008. Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari. hlm. 138. Johor Bahru, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mustari, Mohd, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2008a. *Pengimarah Masjid dalam Agenda Ummah*. Skudai, Johor Bahru, Johor.
- Mustari, Mohd, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2008b. *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Ridzuan, Ahmad, Mior, Muhammad Fateh, Aziz, Syed Abd, et al. 2012, 21 April 2012. *Islam Sebagai Satu Agama*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2012. Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Saari, Che Zarrina, & Borhan, Joni Tamkin. 2003. Pembangunan Ekonomi Masjid (Economic Development of Mosque). Dlm. Norrodzoh Siren & Yusmini Md Yusoff (Ed.).

- Pembangunan Institusi Masjid (Development of Mosque Institution)*. hlm. 43-58. Kuala Lumpur: Dept. Of Dakwah and Human Development, Academy of Islamic Studies, University of Malaya.
- Sabri, Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad, & Noor, Mohd Rasul Mohammad. 2008. Peranan dan Kepentingan Pengurusan Sumber Manusia dalam Pengurusan Masjid. Dlm. Mohd Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi (Ed.). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. hlm. 97-108. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Saniman, Muhammad Amin, Xuan, Teoh Hao, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2012, 21 April 2012. *Peringkat Permulaan Islam*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2012. Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sharif, Mohamad, Aspalaili, Siti, Wei, Liew Inn, *et al.* 2012. *Sejarah Ringkas Islam*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2012.
- Syauqi, D. 2004. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Al-Qahirah: Maktabah al-Syarq wa al-Dauliyyah.